

TEKS UCAPAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PELUNCURAN PROGRAM SEJATI
MADANI DAN MAJLIS BERBUKA PUASA**

**3 MAC 2026 (SELASA)
6.00 PETANG
PERKARANGAN MASJID MUKIM SUNGAI
PAS KUALA KRAI, KELANTAN**

Bismillahhirrahmannirrahim,
Assalamualaikum WBT dan Salam Malaysia
Madani.

Terima Kasih Pengacara Majlis

(PROTOKOL SAPAAN DIBERI SEMASA
MAJLIS)

Yang Berbahagia Encik Wan Mohamad Zain Wan Abdullah, Pengerusi Negeri Kelantan ANGKASA,
Yang Dihormati barisan Ahli Lembaga serta warga Koperasi Kariah Masjid Mukim Sungai Pas Kuala Krai Berhad, Para jemputan, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada petang ini dalam Majlis Peluncuran Projek Ternakan Ikan Keli serta Majlis Berbuka Puasa.
2. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pihak koperasi atas kesungguhan dan iltizam yang tinggi dalam merealisasikan projek ternakan ikan keli dalam sangkar kolam ini. Projek ini bukan sahaja mencerminkan daya usaha dan

keberanian meneroka bidang akuakultur, malah membuktikan bahawa koperasi kariah masjid mampu melangkah ke hadapan sebagai entiti ekonomi yang berdaya saing.

3. Kehadiran anda semua m juga embuktikan komitmen dan kesepaduan dalam menjayakan agenda pembangunan ekonomi komuniti melalui wadah koperasi.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati

4. Projek ini dilaksanakan dengan sokongan pembiayaan sebanyak RM100,000 melalui Program SejaTi MADANI, satu inisiatif kerajaan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa Kongres Koperasi Kebangsaan. Inisiatif ini bertujuan memperkasa komuniti melalui penglibatan aktif koperasi dalam aktiviti ekonomi yang

mampu menjana pendapatan
mampan dan meningkatkan
kesejahteraan rakyat.

5. Program SejaTi MADANI memberi fokus kepada projek berimpak tinggi di peringkat akar umbi, khususnya yang berupaya mencipta peluang pekerjaan, memperkukuh jaringan ekonomi tempatan serta membangunkan kapasiti komuniti secara menyeluruh. Ia mencerminkan keyakinan kerajaan bahawa koperasi merupakan instrumen terbaik untuk memastikan manfaat pembangunan sampai terus kepada rakyat.

6. Inisiatif seperti projek ternakan ikan keli ini bukan sahaja selari dengan matlamat pembangunan koperasi, malah seirama dengan dasar pembangunan agro-makanan dan sektor akuakultur yang digariskan oleh kerajaan Malaysia. Melalui dasar

seperti Dasar Agromakanan Negara 2.0, kerajaan menetapkan sektor akuakultur sebagai salah satu bidang utama dalam meningkatkan pengeluaran ikan untuk menjamin keselamatan makanan, meningkatkan pendapatan komuniti dan memperkukuh ekonomi negara.

7. Sektor akuakultur, termasuk penternakan ikan air tawar seperti ikan keli, telah dikenal pasti sebagai penyumbang besar kepada matlamat kerajaan untuk meningkatkan peratusan sumbangan akuakultur kepada pengeluaran ikan negara menjelang 2030.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati

8. Bagi pelaksanaan SejaTi MADANI 1.0 di negeri Kelantan, dua koperasi kariah masjid telah dipilih iaitu Koperasi

Kariah Masjid Ubudiah Mukim Belimbing Tanah Merah Berhad dan Koperasi Kariah Masjid Mukim Sungai Pas Kuala Krai Berhad. Pemilihan ini membuktikan bahawa institusi masjid bukan sahaja berperanan sebagai pusat ibadah, malah berpotensi besar sebagai pusat pembangunan ekonomi masyarakat.

9. Saya dimaklumkan projek ternakan ikan keli ini mensasarkan kapasiti ternakan sebanyak 30,000 ekor ikan keli yang ditempatkan dalam 10 unit sangkar kolam dan diurus secara intensif. Sasaran ini menunjukkan perancangan yang teliti serta keyakinan koperasi terhadap potensi pasaran ikan keli di sekitar Kuala Krai dan kawasan sekitarnya.
10. Dengan mengambil kira kadar kematian sekitar lima peratus, projek ini dijangka menghasilkan kira-kira 8.55 tan metrik ikan keli segar bagi setiap

kitaran tuaian, dengan berat pasaran sekitar 300gram seekor. Pengeluaran pada skala ini mampu memberi pulangan yang stabil serta menjamin bekalan berterusan kepada pasaran tempatan.

11. Pada masa ini, koperasi telah memulakan operasi dengan 15,000 ekor ikan keli sebagai langkah pengembangan berperingkat sebelum mencapai kapasiti penuh 30,000 ekor. Pendekatan berfasa ini amat bijak kerana ia membolehkan koperasi mengurus operasi dengan lebih terkawal dan sistematik.

12. Suka saya ingatkan bahawa pengurusan risiko perlu turut diberi perhatian termasuk aspek kualiti benih, kawalan makanan, kesihatan ikan serta langkah mitigasi terhadap risiko banjir yang sinonim dengan negeri Kelantan. Pendekatan ini penting bagi

memastikan kelangsungan projek dalam jangka panjang.

13. Saya dimaklumkan juga bahawa projek ini telah melalui fasa perancangan, kelulusan, pelaksanaan dan kini berada dalam fasa pemantauan operasi dengan kerjasama ANGKASA. Proses yang tersusun ini mencerminkan tadbir urus yang baik serta pematuhan kepada garis panduan pelaksanaan projek.

14. Dari sudut kewangan, projek ini menunjukkan potensi yang memberangsangkan dengan margin keuntungan bersih yang sihat serta unjuran pulangan pelaburan yang positif dalam tempoh setahun. Ini membuktikan bahawa projek yang dirancang secara teliti mampu memberi impak ekonomi yang nyata kepada anggota koperasi.

15. Lebih menarik lagi, projek ini turut dirancang sebagai platform kolam pancing rekreasi yang boleh menarik pengunjung luar dan meningkatkan aktiviti ekonomi setempat. Pendekatan bersepadu ini mampu mempelbagaikan sumber pendapatan koperasi dan mengukuhkan kedudukan kewangannya.

16. Inilah model koperasi yang ingin kita bangunkan iaitu sebuah institusi tetapi juga menggerakkan aktiviti ekonomi, membuka peluang pekerjaan dan memperkukuh kesejahteraan masyarakat setempat secara menyeluruh.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati

17. Saya berharap projek ini akan terus diurus secara profesional dan

berintegriti, dengan pemantauan berterusan serta perancangan strategik agar ia dapat menjadi projek contoh di peringkat negeri dan seterusnya diangkat sebagai model nasional bagi koperasi kariah masjid.

18. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Majlis Peluncuran Projek Ternakan Ikan Keli di bawah Program SejaTi MADANI Koperasi Kariah Masjid Mukim Sungai Pas Kuala Krai Berhad. Semoga projek ini terus berkembang maju dan memberi manfaat yang berpanjangan kepada seluruh warga koperasi dan masyarakat setempat.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

- TAMAT -